Buletin Q
' Integriti Menjana Kecemerlangan & Jati Diri '

# Pekerja Cemerlang Aset Penting Organisasi

*Oleh: Mohamad Hata ghazali*

***Setiap*** warga organisasi mesti faham makna bekerja. Secara ringkasnya de! nisi kerja ialah tugas dan tindakan untuk menuju matlamat dengan disokong oleh persekitaran yang menggalakkan dengan jaminan masa depan serta pelbagai peluang untuk kejayaan diri.

Sementara organisasi pula ditakrifkan sebagai jentera yang menggembelingkan kerja dan tenaga manusia untuk mencapai sesuatu matlamat. Oleh itu sesebuah organisasi itu mempunyai matlamat, objektif , strategi , peraturan dan budayanya yang tersendiri dan khusus.

Organisasi ( majikan ) memberikan kita sebagai pekerja pelbagai latihan, nasihat / tunjuk ajar, peralatan dan kaedah untuk menghasilkan produk, juga memberikan kita pelbagai penghargaan, ganjaran dan juga jaminan keselamatan dan kebajikan.

Sebagai balasannya majikan semestinya mengharapkan kerja yang berkualiti , kesetiaan, iltizam yang tinggi dan pekerja yang boleh diharap serta ikhlas menjalankan tanggungjawab yang sudah, sedang dan akan diamanahkan.

Ada lima prinsip yang mesti diamalkan oleh organisasi terbilang – pekerja cemerlang. Prinsip itu ialah :

## 1 TAQARUM

Wujudkan budaya hormat menghormati kepada peraturan organisasi, hormat warga organisasi tidak kira apa jua pangkatnya, ucapkan salam, selamat pagi/ petang atau apa saja yang sesuai dalam masyarakat yang berbilang bangsa dan agama ini.

## 2 TAFAHUM

Wujudkan sikap saling memahami peranan, tugas, matlamat, objektif organisasi dan warganya.

## 3 TASAMUH

Saling bertimbang rasa kerana manusia dicipta berlainan citarasa.

## 4 TAAWUN

Saling tolong menolong.

## 5 TAKAFUL

Tanggungjawab bersama. Organisasi kita tanggungjawab kita.

Slogan tanpa pengisian tidak berguna. Pengisian tanpa iltizam yang tinggi juga tidak berguna. Iltizam yang tinggi tanpa maklumat yang jelas, strategi yang berkesan dan budaya kerja yang jelas juga tidak bermakna.

Oleh itu demi menjamin sumbangan yang berkesan dan cemerlang daripada warga organisasi pihak pengurusan harus dapat mengenal pasti bakat dan personaliti warganya (mungkin melalui ujian personaliti dan bakat) supaya meletakkan warganya di tempat yang sesuai dengan personaliti dan bakatnya. “Right person – right place – right time – excellence”.

Minda individu mesti diisi dengan pelbagai ilmu dan pelbagai kemahiran. Individu juga mesti dapat mengawal emosinya sama ada dalam keadaan selesa atau tertekan.

Jika minda individu itu terbiar, emosinya akan menjadi liar dan akan menghasilkan individu yang tingkah laku yang biadab, mementingkan diri sendiri, curi tulang, bengis tidak tentu fasal, suka menciplak atau mencuri hasil intelek dan sebagainya yang menggambarkan insan tidak bermaruah dan berkualiti.

Perkongsian yang dikehendaki dalam mana-mana organisasi adalah menghasilkan warga kerja yang berhemah tinggi, berperibadi mulia, menepati dan menghargai waktu, mengutamakan aturan dan pelbagai lagi yang dianggap sebagai nilai-nilai murni.

Andaikata warganya tidak dapat memenuhi kriteria yang diharapkan oleh organisasi daripada mereka janganlah salahkan sistem sama ada sistem saraan Malaysia ( SSM ) atau apa-apa sistem sekalipun. Jangan juga salahkan pihak organisasi ( majikan ) jika anda tidak pernah mendapat pengiktirafan pekerja cemerlang atau anda anda hanya mendapat ganjaran gaji statik.

Warga organisasi yang dianggap cemerlang adalah warga yang dapat melakukan tugas-nya dengan dengan penuh tanggungjawab dan disamping itu itu juga dapat memberi sumbangan yang berkesan kepada organisasi dan masyarakat.

Untuk mencapai peringkat cemerlang individu itu mesti melangkaui daripada melakukan sesuatu kerja atau tanggungjawab yang biasa atau rutin sahaja yang sememangnya menjadi tugasnya. Individu itu mesti melalui peringkat menghasilkan “output” dari tahap biasa kepada tahap luar biasa, dari luar biasa kepada luar dugaan, dari luar dugaan kepada cemerlang.

Kesimpulannya, sebagai warga organisasi, perkara penting yang mesti dilakukan ialah memberikan perkhidmatan mengikut teras perkhidmatan iaitu bekerja penuh tanggungjawab, berazam meninggikan mutu perkhidmatan, berusaha mengikis sikap mementingkan diri sendiri, berkhidmat dengan penuh muhibbah dan kemesraan.

***“A boss fixes blame. A leader fixes mistakes”.***
***“A boss makes work drudgery. A leader makes work interesting”.***

***William Glasser (1990)***

Buletin Q
' Integriti Menjana Kecemerlangan & Jati Diri '
Bil. 4/2010
February 2010

# How to Increase Personal Effectiveness & Qualites

*By Taidin Suhaimin*

**Here** are 10 tips on how you can increase your personal effectiveness and qualities:

## 1. Know Your Own Self

Know yourself; your strengths and weaknesses. By improving on your weaknesses and play on your strengths, you are in effect enhancing your personal effectiveness. So, get to know what you are really good at - your talents . Exploit them. Make the best out of them. Make full use of these very important assets of yours.

## 2. Develop Better Self-Concept, Right knowledge and Skills

Developing better self-concept is a pre-requisite to self-effectiveness and self-excellence. Your self concept influences your mind-set and attitudes. Your attitude influences your behaviours. Your behaviours in turn develop your habits. Positive habits lead to effectiveness and success. And, negative habits lead to destructions and failures.

Your self-concept includes your social character or abilities, your physical appearance - your body image and your thinking. Better self-concept also means that you accept the fact that you must have the right knowledge and skills to be effective and successful in whatever you do.

## 3. Take Charge of Your Self

Be rational rather than being emotionally driven. Be in control of your self. Do not allow circumstances control you. Be proactive. Make things happen rather than letting things just happening to you. Be forgiving. Control your emotion. Turn negatives into positives. Use your emotion to your and everybody's best!

## 4. Set Crystal Clear Goals

You become what you think. By setting clear goals (for this world and the hereafter) you will be more determined and focused. You will feel more confident and successful. So, set positive and crystal clear goals professionally and personally. Write your goals down. Develop action plans to achieve your goals. Focus your time and efforts on achieving your goals.

## 5. Get Better Organized

Clutters are time wasters and source of stress. So, get organized. Organize your thinking. Organize your life. Organize your home. Organize your workplace. Always do the most important first. Delegate when and where necessary.

## 6. Enhance Your Financial Literacy

Spend less than what you earn. Have a smart saving and smart investment programmes. At least 30% of your monthly income shall be put into saving. The money that you save, grows. So, earn more and save more!

## 7. Improve your Interpersonal Skills

Miscommunication can lead to conflicts. You need people co-operation and support to be more successful in your career and life. So, improve your people skills.

## 8. Develop a Team Leadership Skills

None of us is better than all of us. Together everybody achieves more. So, improve your team leadership skills. Get better and better at those. Remember, the most successful people in the entire history of human beings are excellent team builders.

## 9. Take Care of Your Health

Get always healthy and alert. Take nutritious foods. Exercise regularly. Achieve maximum fitness and strength. Detox - Eliminate Internal Waste. Don't smoke. It can cause lung cancer. Stop Smoking. Drink a minimum of 2.5 litre of water everyday. You must have adequate and restful sleep.

## 10. Keep Learning & Improving Yourself

One of the main reasons why people fail is that they stop learning. Hence, it is highly important for you even if you are not taking any examination anymore to keep learning. Stephen Covey suggests that we should in fact read at least 8 books monthly!

**"The first and most important step towards success is the feeling that we can succeed."**